



Anwar bersama timbalannya, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadulah Yusof menunjukkan buku RMK13 selepas pembentangan di Parlimen, semalam. (Foto BERNAMA)

# Tarif baharu hari ini

## Anwar maklumkan perkembangan selepas perbualan telefon bersama Presiden AS

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum.aziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump, memutuskan untuk mengumumkan tarif timbal balas yang dikenakan ke atas Malaysia hari ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, Trump memaklumkan perkembangan itu ketika perbualannya menerusi telefon bersama Presiden AS itu pagi semalam.

"Kami membincangkan soal tarif atas semangat dan prinsip perdagangan bebas, juga mengenai

pelbagai siri rundingan yang digerakkan oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) bersama dengan pihak Perwakilan Perdagangan AS (US-TR) dan juga Setiausaha Perdagangan AS.

"Setelah mendapat penjelasan dari saya, maka beliau (Trump) memutuskan untuk menanggung pengumuman keesokannya dan kadar tarif akan diumumkan esok (hari ini)," katanya ketika membentangkan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) Di Dewan

Rakyat, semalam.

Mengulas lanjut, Anwar berharap, pengumuman tarif oleh Trump hari ini akan membantu dan tidak membebankan ekonomi Malaysia.

"Kita tunggu sampai esok (hari ini). Yang penting ialah kewaspadaan kita kerana kemungkinan harga barangan dan kos mungkin meningkat sekiranya tarif itu tidak seperti mana yang kita jangka," katanya.

Justeru, Perdana Menteri menegaskan, apa yang penting adalah ketahanan domestik harus dibina.

Beliau berkata, di bawah Ekonomi MADANI, kerajaan telah memulakan reformasi struktur ekonomi.

Menurutnya, ia termasuk melancarkan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Strategi Semi-Dasar Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara 2030.

"Sektor swasta telah bergerak ke hadapan bersama-sama kerajaan. Program GEARuP yang diterajui syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GIC) dan pelaburan langsung domestik telah memperkukuh pelaburan," katanya.

Sebelum ini, AS dilapor mahu mengenakan tarif timbal balas ke atas produk Malaysia sebanyak 25 peratus, berkuat kuasa hari ini.